

Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm ²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065



Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm ²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065

Peserta dan kakitangan Mandanjin Oriental Kuala Lumpur bergambar beramai-ramai sebelum merentas hutan.

» 23 kanak-kanak, 50 kakitangan hotel redah hutan di FRIM tanam 100 pokok

Pulihara alam

Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm ²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065



Oleh Azida Shaharuddin
azida@bh.com.my

Sebut saja mengenai pemuliharaan alam sekitar, pasti perkara pertama difikirkan ialah kitar semula atau membuang sampah ke dalam tong sampah, sedangkan sebenarnya banyak lagi perkara yang boleh dilakukan bagi tujuan itu.

Mendidik masyarakat memulihara alam sekitar seharusnya bermula daripada peringkat awal untuk memastikan sifat itu tertanam dalam diri dan sekali gus amalan itu dapat dipupuk sehingga dewasa.

Atas kesedaran itu, Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur membawa 23 kanak-kanak kurang bernasib baik berusia antara sembilan hingga 16 tahun, dari tiga pusat kebajikan di Kuala

Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065

Lumpur dan Selangor serta 50 kaki-tangan hotel ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, baru-baru ini untuk aktiviti menanam pokok.

Kanak-kanak itu merangkumi penghuni Rumah Keluarga Kami di Kajang, Pusat Jagaan Kanak-kanak Kurang Upaya Kirtash (Rawang) dan Rumah Charis Home For The Children (Kuala Lumpur).

Program itu menanam 100 anak pokok sempena Hari Alam Sekitar Sedunia dan memasuki hutan Bukit Bujang, kira-kira dua kilometer ke kawasan Gelanggang 43 bagi tujuan itu.

Laluan mencabar

Kedengaran seperti mudah, namun mereka berhadapan dengan cabaran apabila terpaksa meredah laluan berlumpur kerana hujan lebat sebelum memulakan ekspedisi, pada jam 9.30 pagi.

Sungguhpun begitu, mereka gigih meneruskan pendakian sambil menikmati khazanah alam yang kaya dengan flora dan fauna.

Menghirup udara segar dan nyaman, selain melihat pelbagai spesies pokok serta penghuni hutan berusia lebih 100 tahun itu, masing-masing memperkenalkan raut wajah berbeza. Ada ada yang takut dan ada juga yang terpesona.

Sebaik saja sampai ke destinasi, mereka diberi taklimat mengenai fungsi dan kepentingan pemuliharaan pokok di kawasan itu.

Pengurus Besar Hotel Mandarin Oriental KL, Frank Stocek, menjadi orang pertama menanam pokok sebelum peserta memulakan program dengan membahagikan mereka kepada tiga kumpulan.

Peserta, menanam 100 anak pokok daripada pelbagai spesies termasuk pokok kayu keras iaitu merbau, cengal, berlian dan balau.

Selesai mencapai misi itu, mereka

menuruni semula bukit itu sebelum menikmati hidangan tengah hari ayam KFC, kek coklat, sandwic dan buah-buahan.

Pengalaman pertama

Bagi Simon Tey, 15, dari Rumah Keluarga Kami, pengalaman memasuki hutan itu sungguh menyeronokkan kerana beliau bukan saja mempelajari cara menanam pokok, malah menambah pengetahuan mengenai alam flora.

“Buat kali pertama saya belajar menanam pokok dan saya juga mendapat tahu akar pokok dapat menyimpan air dan boleh diminum.

“Sungguhpun perjalannya

agak mencabar kerana laluan licin, pengalaman ini sungguh berharga, lebih-lebih lagi bersama 10 rakan lain menanam anak pokok,” katanya.

T Aghilan, 9, dari Pusat Jagaan Kanak-kanak Kurang Upaya Kirtash, juga mengakui ia pengalaman pertama memasuki hutan dan melihat alam sekitar menjadi beliau teruja untuk meneroka setiap inci kawasan itu.

“Saya rasa bertuah dapat lihat ulat bulu berwarna-warni, bermain dengan lumpur, selain menanam pokok. Semuanya tidak pernah saya lihat atau lakukan sebelum ini. Semua aktiviti ini menakjubkan,” katanya riang.

Penjaga pusat jagaan sama, M Judith Pamela, berkata beliau bangga melihat semua kanak-kanak itu diberi peluang merasai pengalaman berada dalam hutan negara ini.

“Mereka dapat menambah pengetahuan apabila didedahkan mengenai tumbuhan tertentu. Sebelum ini, mereka hanya menonton di televisyen, tetapi hari ini mereka dapat merasai dan melakukan sendiri aktiviti itu.

“Saya harap pengalaman ini menjadi kenangan manis dan mereka memanfaatkan segala pengetahuan yang diterima sepanjang ekspedisi ini,” katanya.

Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065



Peserta diberikan anak pokok sebelum memasuki kawasan hutan.



“
Saya rasa bertuah dapat lihat ulat bulu berwarna-warni, bermain dengan lumpur, selain menanam pokok. Semuanya tidak pernah saya lihat atau lakukan sebelum ini. Semua aktiviti ini menakjubkan”

T Aghilan,
Penghuni Pusat Jagaan Kanak-Kanak Kurang Upaya Kirtash

Headline	Hargai alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	1,12,13	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	2041 cm²
Journalist	Azida Shaharuddin	AdValue	RM 70,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 211,065



Peserta **menanam anak pokok** di FRIM.
[FOTO SHAHRUL M ZAIN/BH]

Didik generasi muda hargai, jaga persekitaran

Stocek berkata, program dikendali Forrester For A Day itu mendidik generasi muda dan kakitangan syarikat itu mengenai kepentingan memelihara dan memuliakan alam sekitar.

Lebih-lebih lagi membabitkan hutan berusia lebih 80 tahun, beliau pasti mereka melalui pengalaman yang menyeronokkan dan sukar dilupakan.

"Kita tanam 100 pokok bersama dan melihat betapa cantiknya alam sekitar. Berperanan mendidik generasi muda dan kakitangan hotel, kami berharap objektif yang cuba diterapkan dalam diri menjadi amalan terbaik untuk dipraktikkan.

"Sebagai contoh, ada antara peserta yang membuang botol merata-rata ketika berada dalam hutan ini. Seterusnya kami menegur secara lembut dan meminta mereka membuangnya ke tempat yang disediakan, jadi inilah pendekatan pendidikan yang turut kami terapkan," katanya.

Terima sijil daripada FRIM

Pada masa sama, beliau menyatakan ia program berfaedah yang

boleh dilakukan mereka pada masa depan, luar daripada rutin harian pada masa ini.

"Selain itu, program seperti ini yang mengeratkan hubungan sesama insan dapat menjadi landasan kepada mereka agar peka dengan persekitaran dan berusaha menyelamatkan alam sekitar daripada tercemar.

Pada akhir program, masing-masing turut menerima sijil daripada FRIM yang disampaikan oleh Ketua Komunikasi Korporatnya, Norhayati Nordin, mengiktiraf mereka sebagai Rakan Korporat FRIM.

"Mereka menanam empat jenis pokok bernilai tinggi dan peranan mereka ini satu sumbang besar kepada alam.

"Saya harap apa yang dipelajari dapat dimanfaatkan pada masa depan, malah dapat menyebarkan mengenai keindahan khazanah alam yang mereka terokai bersama kepada rakan lain dan anak mereka," katanya.

Program seumpama itu seharusnya diadakan dari semasa ke semasa dan disertai oleh pelbagai pihak tanpa mengira usia bagimendah serta memberi kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

